

Ruj. Kami: JANM.PRK.600-1/1/1 (27)
Tarikh : 24 Oktober 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENARIKAN AKSES KOD TRANSAKSI BAGI TUJUAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN PELARASAN GAJI SSPA FASA 2 MELALUI SISTEM iGFMAS MODUL HCM

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan pelaksanaan pembayaran pelarasan gaji SSPA Fasa 2 melalui sistem iGFMAS Modul HCM, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan penarikan akses kod transaksi di peringkat Pejabat Perakaunan (AO) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti berikut:

PERINGKAT/ KATEGORI PENARIKAN AKSES	KOD TRANSAKSI	TARIKH/ MASA MULA	TARIKH/ MASA TAMAT
AO SEMENTARA	:ZRPY033 -LPC & Process Employee Transfer	1 November 2025 12.01 pagi	22 Januari 2026 11.59 malam
PTJ SEMENTARA	PA30 - Maintain HR Master Data	1 November 2025 12.01 pagi	22 Januari 2026 11.59 malam
	PA40 - Personnel Actions		
	:PA41 - Change Entry/Leaving Date		
	PA70 - Fast Entry		
	ZRPY033 -LPC & Process Employee Transfer		

3. Sehubungan itu, semua pengguna sistem iGFMAS Modul HCM (SAPGUI) di AO dan PTJ tidak akan dapat mengakses kod transaksi tersebut sepanjang tempoh di atas. Ini bagi memastikan proses pelarasan gaji SSPA Fasa 2 yang akan dibayar pada bulan Januari 2026 berjalan lancar dan tiada pertindihan pengemaskinian maklumat melalui kaedah biasa dan hanya dibenarkan melalui templat SSPA Fasa 2.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**